

Headline	UMK lancar Monsun Produksi		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	13 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Bintang Popular	Circulation	297,950
Page No	8	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	495 cm ²
Journalist	Fatin Farhana Ariffin	AdValue	RM 16,758
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,274



UMK lancar Monsun Produksi

» Empat produk berjaya diterbitkan bagi **membantu industri kreatif negara**

Oleh Fatin Farhana Ariffin
fatin.farhana@bh.com.my

Mengambil contoh daripada pemenang filem menerusi Anugerah Academy di Amerika seperti *Slumdog Millionaire*, hanya membabitkan kos rendah RM45 juta dan difilemkan di India dengan barisan pelakon tidak popular tetapi berjaya mendapat kutipan hebat di seluruh dunia sebanyak RM1.3 bilion, menjadi inspirasi Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) Universiti Malaysia Kelantan (UMK), melancarkan sebuah produk keusahawanan kreatif dengan cara tersendiri.

Menamakannya sebagai Monsun Produksi, UMK mahu mengetengahkan industri kreatif khususnya yang membabitkan pesisir Laut China Selatan atau Pantai Timur, yang kaya kesenian, kebudayaan dan warisan tetapi masih belum dibangunkan secara praktikal.

Dibangunkan di bawah Monsun Industries, ia bermula apabila FTKW bertujan menempatkan pusat pembangunan dan kemajuan keusahawanan industri kreatif sejajar perkembangan ekonomi melalui industri kreatif di seluruh

dunia, selaras usaha menjana sumber pendapatan

negara.

Sebagai medium sokongan Dekan FTKW, Profesor Dr Abu Hassan Hasbullah, berkata penubuhan Monsun Produksi bermula pada 2 Ogos 2012 sebagai satu cabang Monsun Industries dalam memacu industri kreatif dan warisan, serta bertindak sebagai medium sokongan bagi pendidikan keusahawanan kreatif di bawah FTKW.

“Usaha ini selari penubuhan UMK sebagai universiti keusahawanan dan FTKW sebagai fakulti atau pusat pengajian teknologi kreatif dan warisan yang berusaha meneroka bidang seni media, teknologi digital, muzik dan persembahan, seni reka, seni halus, seni bina, falsafah dan warisan dalam menyumbang ke arah pembangunan negara.

“Kekayaan, kemewahan, keriangian, kegembiraan dan kepelbagaian seni serta budaya masyarakat pesisir Laut China Selatan atau masyarakat Monsun ini adalah khazanah ekonomi yang sangat bernilai dalam memajukan ekonomi, politik dan sosial Malaysia.

Dedahkan keistimewaan “Seperti kita lihat sekarang,

industri seni tempatan kita kurang mengangkat nilai pesona pesisiran Pantai Timur, jadi sebagai ilmuwan, saya berasa ia wajar untuk anak tempatan kita didedahkan dengan keistimewaan geografi di pesisiran pantai Laut China Selatan ini,” katanya pada pelancaran program itu yang disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMK, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman di FINAS, Hulu Klang, baru-baru ini.

Hadir sama, Naib Canselor UMK, Profesor Datuk Dr Raduan Che Rose.

Kata Dr Abu Hassan, FTKW sentiasa berusaha untuk melahirkan penggiat seni kreatif yang berilmu

menerusi penerbitan video komersial di bawah program Monsun Produksi.

“Selaras usaha itu, Monsun Produksi sudah mengeluarkan empat produk iaitu filem trilogi, *Monsun, Guruh* dan *Kemarau* serta kumpulan anak muda yang dinamakan sebagai *Monsun Band*. Ia dilahirkan seratus peratus daripada titik peluh warga FTKW,” katanya.

Dr Abu Hassan juga yakin dengan tawaran peluang belajar dan bekerja di bawah Monsun Produksi, bakal

menambahkan lagi ramai anak muda berbakat seni pada masa depan.

70 peratus siap

“Buat masa ini filem trilogi kami sudah siap hampir 70 peratus dan dijangka keluar di pasaran mulai Disember depan, penjualannya

mungkin akan diedarkan dalam bentuk DVD, melalui saluran berbayar Astro ataupun Radio Televisyen Malaysia (RTM).

“Kejayaan menghasilkan empat produk ini berjaya mengangkat filem *Monsun, Guruh, Kemarau* dan album komersial *Monsun Band* setaraf penerbitan filem komersil di tanah air,” katanya.

Pihak FTKW turut mendapat kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia, FINAS, Media Prima, Astro, syarikat perfileman dan Peratuan Seniman Malaysia (SENIMAN), selain Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), One Academy, Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Headline	UMK lancar Monsun Produksi		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	13 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Bintang Popular	Circulation	297,950
Page No	8	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	495 cm ²
Journalist	Fatin Farhana Ariffin	AdValue	RM 16,758
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,274



Hamad Kama Piah (kanan) bersama Dr Raduan (dua dari kiri) dan Pengarah Pembangunan Industri FINAS, Zulkifli Ab Wahab (kiri) serta Dr Abu Hassan melihat poster produk keusahawanan pelajar UMK selepas merasmikan Monsun Produksi dan Produk Industri Kreatif UMK. [FOTO AFENDI MOHAMED / BH]

BUAT MASA INI FILEM TRILOGI KAMI SUDAH SIAP HAMPIR 70 PERATUS DAN DIJANGKA KELUAR DI PASARAN MULAI DISEMBER DEPAN, PENJUALANNYA MUNGKIN AKAN DIEDARKAN DALAM BENTUK DVD, MELALUI SALURAN BERBAYAR ASTRO ATAUPUN DISIARKAN RTM"

Dr Abu Hassan Hasbullah,
Dekan FTKW